

Anjur program bermain sambil beramal ‘The Swing for Charity Golf Event 2016’

RCD sasar RM100,000 bantu NKF

Oleh NURUL FAIQAH ABD.
RAHMAN

KUALA LUMPUR

- Kelab Rotary Damansara (RCD) akan menganjurkan satu program bermain sambil beramal ‘The Swing for Charity Golf Event 2016’ di Bukit Jalil Golf and Country Resort pada 9 Oktober ini. Program tersebut bertujuan untuk mengutip dana yang akan disumbangkan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF).

Menurut Presiden RCD, Anna P. Raj, pihaknya dengan kerjasama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berharap program tersebut dapat membantu pesakit buah pinggang menjalani rawatan

“Kami menyasarkan sebanyak RM100,000 dana



ANNA (empat dari kiri) menerima sumbangan berjumlah RM50,000 daripada Rajendran (lima dari kanan) pada pelancaran program ‘The Swing for Charity Golf Event 2016’ di Kelab Diraja Selangor, Kuala Lumpur semalam.

bagi membeli beberapa buah mesin dialisis untuk disumbangkan kepada NKF bagi meringankan beban dan menolong para pesakit buah pinggang.

“Dijangka seramai 120 pemain golf akan bermain

sambil beramal bagi mengumpul dana sebanyak RM50,000 kepada NKF,” katanya selepas pelancaran program tersebut di Kelab Diraja Selangor di sini semalam.

Pada majlis itu, Anna

mewakili NKF menerima sumbangan sebanyak RM50,000 daripada Pengarah Eksekutif Kolej QCTech, P. Rajendran.

Anna memberitahu, pihaknya memandang serius berkenaan penyakit

itu yang semakin meningkat di negara ini.

“Justeru, kami membuat keputusan untuk menjalankan satu program amal buat julung-julung kalinya dengan kerjasama antara beberapa NGO lain.

“Saya berharap agar program yang bakal berlangsung pada Oktober ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya mencegah daripada merawat,” jelasnya.

Anna menambah, pihaknya turut berharap badan-badan korporat lain dan agensi-agensi kerajaan dapat turut membantu memberikan kemudahan serta sumbangan kepada pesakit yang memerlukan rawatan.

Orang ramai yang ingin menyertai program tersebut boleh menghubungi pihak pengajur RCD iaitu Richard Jacob di talian 012-218 2401 dan Anna 012-324 3781.

NKF merupakan sebuah NGO yang memberi bantuan sepenuhnya kepada pesakit buah pinggang terutama mereka yang berada pada tahap akhir.